RADHA A/P RAJU & 358 LAGI

lwn.

DUNLOP ESTATES BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
TUAN LOW HOP BING PK
[RAYUAN SIVIL NO. 16-3-1993]
21 SEPTEMBER 1994

UNDANG-UNDANG BURUH: *Kontrak perkhidmatan - Pekerja ladang - Majikan menjual ladang tanpa memberi notis berhenti kepada pekerja - Pekerja meneruskan pekerjaan dengan majikan baru 4 hari selepas penjualan dilaksanakan - Samada berlaku penamatan kontrak perkhidmatan - Samada pekerja berhak kepada "indemnity in lieu of notice" - Akta Kerja 1955 ss. 11(2), 12(1), 12(3)(f), 13(1).*

PERKATAAN & ISTILAH: *"indemnity" - Seksyen 13(1) Akta Kerja 1955.*

Perayu-perayu adalah pekerja ladang di beberapa ladang responden. Pada 1 September 1990, tanpa memberi perayu-perayu notis berhenti, responden telah menjual ladang-ladang tersebut kepada pihak ketiga. Empat hari selepas penjualan itu, pada 4 September 1990, pihak ketiga tersebut telah menawarkan kerja berterusan kepada perayu-perayu dengan terma dan syarat pekerjaan yang tidak kurang baiknya daripada kontrak perkhidmatan mereka dengan responden sebelumnya dan tawaran itu diterima oleh kesemua perayu-perayu.

Perayu-perayu kemudiannya menuntut dari responden sejumlah pampasan sebagai indemniti di bawah s. 69 Akta Kerja 1955, atas kegagalan responden mengeluarkan notis berhenti kerja kepada mereka. Tuntutan ini bagaimanapun ditolak oleh Penolong Pengarah Buruh (Pengarah). Perayu merayu dan berhujah bahawa responden adalah berkewajipan untuk memberi notis penamatan perkhidmatan di bawah s. 12(3) Akta Kerja 1955 dan bahawa Pengarah adalah silap apabila beliau merumuskan bahawa berdasarkan peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980 penamatan kontrak perkhidmatan tidak berlaku dalam kes ini.

Dihadapan Yang Arif Hakim isu-isu yang timbul ialah:

1. Samada penamatan kerja telah berlaku pada 1 September 1990 apabila pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut dilakukan.
2. Samada responden diwajibkan untuk memberi notis penamatan kerja kepada perayu-perayu.
3. Samada perayu-perayu berhak menerima "indemnity in lieu of notice" dari responden.

Diputuskan:

[1] Pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut tidak *ipso facto* menimbulkan penamatan kontrak perkhidmatan. Adalah jelas bahawa s. 12(3)(f) tidak memperuntukkan demikian. Adalah juga jelas bahawa sebelum s. 12(3)(f) boleh dipakai perayu perlu membuktikan satu pra-syarat iaitu satu penamatan kontrak perkhidmatan telah berlaku. Ini gagal dibuktikan oleh perayu.

[2] Menurut s. 12(1) Akta adalah jelas bahawa untuk menamatkan sesuatu kontrak perkhidmatan, niat untuk menamatkan kontrak perkhidmatan itu adalah penting dan sekiranya niat ini tidak wujud, maka penamatan kontrak perkhidmatan dalam konteks

Bahagian II Akta tersebut tidak timbul. Keterangan menunjukkan bahawa niat sedemikian tidak wujud bilamana responden menjual ladang-ladang berkenaan kepada pihak ketiga. Dengan itu soal memberi notis penamatan perkhidmatan tidak berbangkit dan justeru itu, soal memberi "indemnity in lieu of notice" juga tidak berbangkit.

[3] Peruntukan di bawah s. 13(1) Akta hanya boleh dipakai sekiranya penamatan kontrak perkhidmatan telah berlaku dan tiada notis diberi oleh mana-mana pihak kepada kontrak perkhidmatan, di mana pihak yang gagal memberi notis adalah bertanggungjawab membayar indemniti kepada pihak lain sebagai pampasan kerugian. Notis ini bukan saja diwajibkan kepada pihak majikan tetapi juga pihak pekerja iaitu mana-mana pihak. Oleh kerana penamatan kontrak perkhidmatan tidak berlaku disini, maka seksyen ini juga adalah tidak berkenaan.

[4] Selain itu, untuk mendapatkan indemniti perayu mestilah membuktikan bahawa mereka telah mengalami kerugian kerana indemniti tidak harus dibayar secara automatik. Indemniti hanya boleh dituntut berdasarkan kepada s. 13(1) Akta atas alasan bahawa oleh kerana ketiadaan notis, perayu tidak dapat menyambung perkhidmatan dan dengan itu telah mengalami kerugian. Dalam kes ini perayu telah menerima dan meneruskan pekerjaan mereka. Dalam keterangan perayu di hadapan Pengarah, mereka tidak mengadu bahawa mereka tidak dibayar gaji dari 1 September 1990. Adalah jelas bahawa mereka tidak mengalami sebarang kerugian dan dengan itu mereka tidak berhak kepada apa-apa indemniti.

[5] Oleh kerana tawaran dan penerimaan pekerjaan telah disempurnakan dalam tempoh 7 hari dari pertukaran pemilikan mengikut peraturan 8(1) dan perayu telah dengan serta merta terus berkhidmat dengan pemilik baru, maka Peraturan 8(3) memperuntukkan bahawa pertukaran majikan ini tidak menyebabkan terputusnya keselanjaran tempoh penggajian. Dengan itu rumusan yang dibuat oleh Pengarah bahawa tidak wujud penamatan kontrak perkhidmatan adalah betul. Peraturan 8 juga adalah satu peraturan yang sah dan tidak bertentangan dengan peruntukan s. 12(3)(f).

[Rayuan ditolak]

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kerja 1955, ss. 11, 12, 13, 69.
Akta Keterangan 1950, s. 161(1).
Akta Tafsiran 1967, s. 23
Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980, per. 8.

Bagi pihak perayu - B. Lobo; T/n. Lobo & Associates
Bagi pihak responden - N. Sivabalah; T/n. Shearn Delamore & Co.

PENGHAKIMAN

Low Hop Bing PK:

Latar Belakang

Ini adalah satu rayuan dari keputusan yang dibuat oleh Penolong Pengarah Buruh, Segamat pada 19 September 1991 di mana beliau telah menolak tuntutan oleh perayu-perayu untut sejumlah RM231,490.16 terhadap responden Dunlop Estates Sdn. Bhd. (DEB) sebagai indemniti untuk mengganti notis ("indemnity in lieu of notice") akibat penjualan Ladang Segamat, Gombali dan Paya Lang ("ladang-ladang tersebut") kepada Industrial Oxygen Industries Bhd. (IQI) dan Dynamic Plantations Bhd. pada 1 September 1990.

Perayu-perayu yang terdiri dari ahli-ahli Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang mendakwa bahawa responden telah gagal memberi notis penamatan perkhidmatan mereka sebelum penjualan ladang-ladang tersebut pada 1 September 1990. Oleh yang demikian, perayu-perayu mengikut s. 69 Akta Kerja 1955 telah memulakan tindakan di hadapan Penolong Pengarah Buruh, Segamat untuk "indemnity in lieu of notice".

Fakta Yang Dipersetujui

Kedua-dua pihak dalam rayuan ini dan juga di hadapan Penolong Pengarah Buruh telah bersetuju dengan fakta-fakta berikut:

1. Sehingga 31 Ogos 1990, perayu-perayu semua digaji oleh responden;
2. Pada 1 September 1990, suatu pertukaran pemilikan (change of ownership) dalam ladang-ladang tersebut dilakukan;
3. Pada 4 September 1990, perayu-perayu telah diberi tawaran penggajian atau kerja berterusan (continued employment) oleh IOI/Dynamic Plantations Berhad, pemilik baru ladany-ladang tersebut;
4. Semua perayu-perayu telah menerima tawaran tersebut pada 7 September 1990; dan
5. Responden tidak mengeluarkan sebarang surat menamatkan kontrak perkhidmatan perayu-perayu atau sebarang notis kepada mereka.

Alasan Rayuan

Perayu-perayu telah mengemukakan tiga alasan rayuan:

1. Bahawa Penolong Pengarah Buruh telah tersilap dalam pengertian beliau mengenai s. 12 (3) Akta Kerja 1955;
2. Bahawa responden tidak menamatkan kontrak perkhidmatan perayu-perayu;
3. Kesilapan Penolong Pengarah Buruh dalam pengertian mengenai peraturan 8, peraturan-peraturan kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980 PU(A) 328/83 ("peraturan-peraturan tersebut") yang dibaca dengan s. 12(3) Akta Kerja 1955 di mana beliau berpendapat bahawa berdasarkan kepada peraturan 8 tersebut, tidak ada penamatan kontrak perkhidmatan perayu-perayu oleh responden kerana perayu-perayu telah menerima tawaran untuk penggajian berterusan dengan IOI/ Dynamic Plantation Bhd.

Hujah-Hujah Bagi Pihak Perayu- Perayu

Peguam yang bijaksana bagi perayu-perayu berhujah bahawa pada 1 September 1990, pekerjaan perayu-perayu dengan responden telah pun ditamatkan dan tawaran pekerjaan telah diberi oleh majikan baru iaitu IOI empat hari selepas ladang-ladang tersebut telah dijual. Walau bagaimanapun, responden tidak memberi notis penamatan. Oleh yang demikian perayu-perayu adalah berhak mendapatkan "indemnity in lieu of notice". Perayu-perayu berpendapat bahawa adalah wajib bagi responden memberi notis penamatan kepada perayu-perayu, kerana peruntukan di bawah S.12(3)(f) adalah mandatori dan bahasa yang digunakan adalah terang dan tidak meragukan (clear and unequivocal). Rayuan ini bukanlah satu kes untuk faedah-faedah penamatan (termination benefits) di mana peraturan-peraturan tersebut akan dipakai. Perayu-perayu mengatakan bahawa rayuan ini membabitkan pembayaran "indemnity in lieu of notice" dan ini dikawal di bawah Akta Kerja 1955, s. 12(3)(f) dan s. 13(1) yang harus menjadi tumpuan perhatian Mahkamah. Justeru itu Mahkamah tidak perlu

meneliti peraturan 8 tersebut dan di bawah s. 23 Akta Tafsiran 1967 peraturan-peraturan tersebut tidak boleh dipakai untuk membinasakan peruntukan di bawah s. 12(3)(f) dan s. 13(1) Akta Kerja 1955.

Hujah-Hujah Bagi Responden - "Indemnity in Lieu of Notice" Tidak Patut Dibayar.

1. Tuntutan perayu-perayu dibuat atas suatu salah tanggapan bahawa perkhidmatan mereka telah ditamatkan oleh responden;
2. Mengikut undang-undang dan fakta, responden tidak menamatkan perkhidmatan perayu-perayu dan oleh yang demikian "indemnity in lieu of notice" tidak patut dibayar;
3. Oleh kerana responden langsung tidak berniat menamatkan kontrak berikutan dengan Bahagian II Akta tersebut, maka mengikut s. 11(2), kontrak-kontrak tersebut terus berkuasa sampai perayu-perayu sendiri **secara sukarela** menerima tawaran dari IOI/Dynimic Plantations Berhad;
4. Oleh kerana responden tidak menamatkan kontrak-kontrak, di sisi undang-undang, responden tidak perlu memberi apa-apa notis atau "indemnity in lieu of notice";
5. Satu lagi alasan mengapa indemniti tidak perlu dibayar adalah berdasarkan peruntukan peraturan 8 tersebut;
6. Semua perayu-perayu telah, menurut peraturan 8, diberi tawaran perkhidmatan berterusan atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang berfaedah dari-pada dahulu dan mereka semua telah menerima tawaran-tawaran tersebut;
7. Perayu-perayu masih bekerja. Terma-terma dan syarat perkhidmatan mereka tidak berubah dan perkhidmatan mereka dengan responden diiktirafkan oleh IOI/Dy-namic Plantations Berhad.
8. Perayu-perayu tidak rugi dari segi kewangan dan Mahkamah ini diperalatkan oleh mereka untuk mendapat gaji buta;

Pertimbangan dan Keputusan Mahkamah

Isu-isu dalam rayuan ini adalah:

1. Samada penamatan kerja telah berlaku pada 1 September 1990 apabila pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut dilakukan?
2. Samada responden diwajibkan untuk memberi notis penamatan kerja kepada perayu-perayu?
3. Samada perayu-perayu berhak menerima "indemnity in lieu of notice" dari responden?

Issue 1

Dalam kontrak perkhidmatan yang telah diperbuat di antara perayu-perayu dengan respon-den, tiada tempuh masa telah dinyatakan. Oleh yang dimikian, kontrak perkhidmatan ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ianya telah ditamatkan mengikut bahagian II Akta tersebut. Inl adalah berdasarkan kepada s. 11(2) yang berbunyi seperti berikut:

> (2) A contract of service for an unspecified period of time shall continue in force until termi-nated in accordance with this Part.

Undang-undang untuk menamatkan kontrak perkhidmatan adalah terkandung dalam Bahagian II Akta tersebut.

Untuk tujuan ini, beban pembuktian adalah atas bahu perayu-perayu untuk membuktikan bahawa perkhidmatan mereka dengan responden telah ditamatkan. Prinsip ini terkandung dalam s. 161 (1) Akta Keterangan 1950 yang berbunyi berikut:

101. **Beban Bukti**

(1) Barang siapa berkehendakkan mahkamah memberi penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-undang, dengan bergantung pada adanya fakta-fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta-fakta itu ada.

Mengikut fakta dalam rayuan ini, tiada keterangan bahawa responden telah menamatkan perkhidmatan perayu-perayu. Apa yang telah berlaku adalah pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut. Untuk menamatkan sesuatu kontrak perkhidmatan, s. 12(i) Akta tersebut memperuntukkan berikut:

(1) Either party to a contract of service may at any time give to the other party notice of his intention to terminate such contract of service.

Setelah meneliti peruntukan di bawah s. 12(1) Akta tersebut, adalah jelas kepada saya bahawa niat untuk menamatkan kontrak perkhidmatan adalah penting dan sekiranya niat ini tidak wujud, maka penamatan kontrak perkhidmatan dalam konteks Bahagian II Akta tersebut tidak timbul. Dengan hal yang demikian, soalan untuk memberi notis penamatan perkhidmatan memang tidak berbangkit. Justeru itu soalan untuk memberi "indemnity in lieu of notice" langsung tidak wujud.

Perayu-perayu bergantung, kepada s. 12(3)(f) yang berbunyi seperti berikut:

(3) Notwithstanding anything contained in subsection (2), where the termination of service of the employee is attributable wholly or mainly to the fact that -

(a) ...

(b) ...

(c) ...

(d) ...

(e) ...

(f) a change has occurred in the ownership of the business for the purpose of which an employee is employed or of a part of such business, regardless of whether the change occurs by virtue of a sale or other disposition or by operation of law.

the employee shall be entitled to, and the employer shall give to the employee, notice of termination of service, and the length of such notice shall be not less than that provided under subsection (2) (a), (b) or (c), as the case may be, regardless of anything to the contrary contained in the contract of service.

Setelah memberi pertimbangan yang terperinci kepada s. 12(3)(f) saya berpendapat bahawa sebelum s.12(3)(f) boleh dipakai, adalah penting untuk perayu-perayu membuktikan satu prasyarat iaitu penamatan kontrak perkhidmatan telah berlaku. Walaupun pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut telah dilakukan, ianya tidak *ipso facto* menimbulkan penamatan kontrak perkhidmatan. Seksyen 12(3)(f) tidak memperuntukkan bahawa pertukaran pemilikan akan dengan secara automatik mengakibatkan penamatan kontrak perkhidmatan.

Peruntukan di bawah s. 13(1) hanya boleh dipakai sekiranya penamatan kontrak perkhidmatan telah berlaku dan tiada notis diberi oleh mana-mana pihak kepada kontrak perkhidmatan,

maka pihak yang gagal memberi notis adalah bertanggungjawab membayar "indemnity" kepada pihak lain sebagai pampasan kerugian. Notis ini bukan sahaja diwajibkan kepada pihak majikan sahaja tetapi pekerja juga iaitu mana-mana pihak. Notis ini hanya perlu diberi apabila niat wujud bagi menamatkan kontrak perkhidmatan dan bukan sebaliknya. Berdasarkan kepada fakta-fakta dalam rayuan ini, saya berpendapat bahawa memang tiada keterangan untuk membuktikan bahawa niat wujud bagi menamatkan kontrak perkhidmatan berkenaan.

Tambahan pula, untuk mendapatkan "indemnity", adalah perlu bagi perayu-perayu membuktikan bahawa mereka telah mengalami kerugian. "Indemnity" tidak harus dibayar secara automatik. "Indemnity" hanya boleh dituntut berdasarkan kepada s. 13(1) atas alasan bahawa oleh kerana ketiadaan notis, perayu-perayu tidak dapat menyambung perkhidmatan atau pekerjaan mereka dan berdasarkan kepada alasan ini, mereka telah mengalami kerugian. "Indemnity" tidak diberi definasi dalam Akta Kerja amnya dan s. 13(1) khasnya. Oleh itu, saya telah merujuk kepada kamus untuk mendapatkan makna biasa dan popular. Mengikut Oxford Shorter English Dictionary "indemnity" bermakna "compensation for loss" (pampasan untuk kerugian); a sum paid by way of compensation (sejumlah yang dibayar secara pampasan). Makna-makna ini telah juga disokong oleh kamus yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di samping itu, adalah jelas bahawa dalam rayuan ini tidak didapati sebarang penamatan perkhidmatan dan ini telah pun disokong oleh surat bertarikh 4 September 1990 dari pemilik baru IOI yang menawarkan sambungan pekerjaan dan tawaran ini telah pun diterima oleh kesemua perayu. Surat ini berbunyi berikut (dalam bahasa asal):

R. Radha,
Segamat Estate.

Dear Sir/Madam,

Re: Offer of Continued Employment

We refer to the above matter and wish to inform you that the estate on which you are presently employed has been sold to Industrial Oxygen Incorporated Berhad on 01 September 1990.

In accordance with the requirements of regulation 8 of the Employment (Termination & Lay-off Benefits) Regulations 1980, we hereby offer you continued employment on terms and conditions of employment that are not less favourable than those you were enjoying with Dunlop Estates Berhad.

Kindly signify your acceptance of this offer of continued employment on the copy of this letter at the place indicated and return the same to us within three days for our further action.

Thank you.

Yours faithfully,
Industrial Oxygen Incorporated Berhad,

(signed)
...

Manager

...

I, R. Radha, (NRIC No. 8208549) hereby accept this offer of continued employment.

Signed: ... (Radha)
Date: ... (7 September 1990)

Adalah jelas dan terus terang bahawa perayu-perayu telah menerima dan meneruskan sambungan pekerjaan. Dalam keterangan perayu-perayu di hadapan Penolong Pengarah Buruh, mereka tidak mengadu bahawa mereka tidak dibayar gaji dari 1 September 1990. Adalah jelas bahawa mereka memang tidak mengalami sebarang kerugian dalam bentuk gaji ataupun syarat-syarat perkhidmatan. Tawaran dan penerimaan pekerjaan adalah sebagai sambungan pekerjaan atas terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan yang tidak kurang baiknya daripada pekerjaan sebelumnya. Fakta-fakta dalam rayuan ini adalah dalam lingkungan peraturan 8(3) yang berbunyi seperti berikut:

> 8. (3) Jika tawaran yang dibuat oleh orang yang mengambil alih urusan selepas sahaja berlakunya pertukaran itu untuk terus menggaji pekerja itu diterima oleh pekerja itu, tempoh penggajian berlakunya pertukaran itu, hendaklah, bagi maksud-maksud peraturan-peraturan ini, disifatkan sebagai tempoh penggajian dengan orang yang mengambil alih urusan itu, dan pertukaran majikan itu tidak menyebabkan terputusnya keselanjaran tempoh penggajiannya.

Oleh kerana tawaran dan penerimaan pekerjaan telah pun disempurnakan dalam tempoh 7 hari dari pertukaran pemilikan mengikut peraturan 8(1) dan perayu-perayu telah dengan serta-merta terus berkhidmat dengan pemilik baru, maka peraturan 8(3) memperuntukkan bahawa pertukaran majikan ini tidak menyebabkan terputusnya keselanjaran tempoh penggajiannya.

Pihak perayu-perayu telah menyatakan bahawa peraturan 8 adalah bertentangan dengan s. 12(3)(f) dan oleh yang demikian, peraturan 8 adalah tidak sah, berdasarkan kepada s. 23 Akta Tafsiran 1967 yang berbunyi berikut:

> 23. Avoidance of subsidiary legislation in case of inconsistency with Act.
>
> (1) Any subsidiary legislation that is inconsistent with an Act (including the Act under which the subsidiary legislation was made) shalI be void to the extent of the inconsistency.
>
> (2) In this section "Act" includes a federal law styling itself an ordinance or enactment."

Saya telah meneliti undang-undang tersebut dan berpendapat bahawa peraturan 8 tidak bertentangan dengan s. 12(3)(f). Justeru itu, s. 23 Akta Tafsiran tidak terpakai. Pada pendapat saya, kedudukan di bawah s.12(3)(f) adalah begini:

Sekiranya pertukaran pemilikan ladang-ladang tersebut telah berlaku tanpa sebarang tawatan pekerjaan oleh pemilik baru untuk diterima oleh perayu-perayu supaya perayu-perayu tidak memperolehi penggajian baru, maka mereka telah mengalami kerugian dan oleh yang demikian, perayu-perayu seterusnya boleh menuntut bayaran "indemnity" sebagai pampasan untuk kerugian ini. Sebaliknya di dalam kedudukan di mana tawaran penggajian (perkhidmatan) telah diberi kepada perayu-perayu oleh pemilik baru dan penerimaan tawaran ini telahpun disempurnakan oleh kedua-dua pihak, maka peraturan 8(3) akan beroperasi dan kedudukan ini akan dianggap sebagai sambungan penggajian (perkhidmatan) di mana tiada kerugian telah dialami oleh perayu-perayu. Justeru itu, "indemnity" atau pampasan untuk kerugian langsung tidak timbul.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dianalisa di atas, dan setelah mengkaji alasan keputusan Penolong Pengarah Buruh, saya berpendapat bahawa keputusannya adalah betul dan teratur yang patut dikekalkan. Justeru itu, saya menolak rayuan ini dengan kos.